

# ‘Membumikan Langit’ Teologi dalam Persoalan <sup>1</sup>

*Oleh*

*Mohamed Imran Mohamed Taib*

[imran@thereadinggroup.sg](mailto:imran@thereadinggroup.sg)

## I

### Pengenalan

Di dalam peradaban manusia, agama seringkali menjadi wadah bagi pencarian makna kehidupan. Pencarian makna itu sendiri menimbulkan pelbagai jenis persoalan yang menyentuh kehidupan sosial di dalam segala bentuk dan dimensinya. Jawapan yang ditemukan bagi setiap persoalan yang dihadapi seringkali berbeza-beza. Inilah yang menimbulkan keragaman di dalam kehidupan beragama semenjak awal kejadian manusia. Munculnya tradisi-tradisi keagamaan yang bermacam ragam itu adalah hasil ketentuan historis yang tidak boleh dipisahkan daripada pengalaman manusia mencari makna disebalik eksistensinya di muka bumi ini.

Di dalam agama Islam, turunnya wahyu yang pertama amat terkait dengan pencarian agama murni (*hanifiyyah*) yang mendesak Rasulullah memencilkan diri di gua Hira’ selama beberapa hari setiap tahun. Dengan penurunan wahyu yang pertama itu, peneguhan risalah Islam bermula di bumi Mekah sehingga kewafatan Rasulullah di Madinah dua puluh tiga tahun kemudian. Sepanjang proses peneguhan itu, interaksi langit dengan bumi, atau yang transendental dengan temporal, tidak boleh saling dipisahkan. Inilah keunikan risalah Islam

---

<sup>1</sup> Kertas dibentangkan di sesi perbincangan *Siri Bacaan Ramadhan* ajuran The Reading Group, Singapore pada 13hb Oktober 2006 di RIMA-AMP. Saya ingin merakamkan terima kasih kepada Sdr. Alfian Yasrif Kuchit kerana menyemak naskhah ini.

sewaktu turunnya wahyu ke atas Nabi Muhammad. Dalam erti kata lain, hubungan lateral (*babluminallah*) saling terkait dengan persoalan horizontal (*babluminannas*) yang riil (real) dan konkrit.

Amat lumrah wahyu diturunkan demi menjawab persoalan-persoalan yang menyentuh realiti sosial kehidupan umat di Mekah dan Madinah waktu itu. Proses peneguhan sebeginilah, iaitu interaksi wahyu dengan lingkungan sosial yang berkembang, membolehkan Islam berpijak dan berakar di zaman Rasulullah. Tumbuh dan berkembangnya Islam pada waktu itu adalah disebabkan kerelevanan risalah yang dibawa oleh Rasulullah. Islam sewaktu kelahirannya, amat menyentuh kehidupan seharian dan persoalan hidup waktu itu. Islam muncul sebagai jawapan pada kondisi manusia yang terasing dari landasan nilai murni dan kemanusiaan. Inilah yang dimaksudkan sebagai ‘langit (atau wahyu) yang membumi’.

### *Evolusi Risalah Islam*

Jika dikaji persejarahan awal agama Islam yang muncul pada abad ke-7 itu, amat terkesan kompleksiti yang dibangkitkan oleh kondisi sosio-historis yang bersifat kontekstual. Dengan berkembangnya Islam ke pelbagai daerah, pertembungan risalah Islam dengan corak budaya, pemikiran dan kehidupan masyarakat yang berbeza mula dirasai. Pertembungan ini bukan semestinya musibah yang mengancam kemurnian risalah Islam. Sebaliknya, pertembungan sebegini telah memperkayakan tradisi Islam dan membuka ruang untuk komuniti awal Islam berinteraksi dengan tradisi-tradisi lain yang berada di lingkungan mereka. Penstabilan sistem administrasi juga memainkan peranan di dalam mencorak kehidupan masyarakat Islam yang mula bersifat kekotaaan.

Dengan berubahnya corak kepimpinan awal kepada pemerintahan berdinasti, Islam mula disesuaikan mengikut struktur masyarakat yang mula bertimpal-tindih. Penyesuaian yang berlangsung terus hingga sekarang memerlukan dasar-dasar teologi yang jelas. Maka bermulanya aliran-aliran teologi yang berbeza-beza amat terkait dengan konteks ketegangan yang muncul bersama setiap perubahan sosial. Dalam erti kata lain, teologi yang diwujudkan di dalam pemahaman dan pemikiran Islam di dalam sesuatu masyarakat itu tidak dapat

dipisahkan dengan situasi-situasi konkrit yang senantiasa menjadi persoalan. Situasi-situasi konkrit ini merujuk pada pengaturan sosio-ekonomi, politik dan kebudayaan sesuatu masyarakat.

### *Memaknai Teologi*

Teologi di dalam perbincangan ini boleh ditakrifkan sebagai suatu landasan berfikir dan bertindak yang didasarkan pada tiga perkara: (1) pengesahan pada aspek Transendental atau Ilahi, (2) penerimaan jalin-hubung antara yang Transendental dengan temporal atau manusia serta alam, dan (3) peneguhan arah tuju atau *destiny* kehidupan.

Jika kita lihat di dalam agama Islam, ketiga-tiga aspek ini membentuk dasar keimanan yang disebutkan di dalam al-Qur'an.

مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ  
وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

...sesiapa di antara mereka itu **beriman kepada Allah** dan (beriman kepada **hari akhirat** serta **beramal soleh**, maka bagi mereka pahala balasannya di sisi Tuhan mereka dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) kepada mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita.

(Surah al-Baqarah 2:62)

Yang **pertama**, pengesahan pada aspek Transendental menjadi pokok ajaran tauhid yang dibawa Nabi Muhammad serta nabi dan rasul sebelumnya. Inti ajaran tauhid ini merujuk pada kewujudan non-materi yang melewati batas apa yang dapat dilihat, disentuh, dihidu, didengar dan dirasa dengan pancaindera manusia. Kewujudan non-materi ini pertama dan utama didasari dengan keimanan pada Tuhan yang Maha Esa, pencipta segala yang wujud di alam maya ini; *la illaha illallah* (tiada tuhan yang melainkan Tuhan) merupakan lafaz Islam yang begitu subversif pada setiap kekuasaan yang mahu mengklaim dirinya selaku sang

Absolut. Bertolak dari pemahaman itu, manusia serta segala alam dianjurkan menyembah pada Yang Tunggal.

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

(Surah ad-Dhariyat 51:56)

Inilah dasar pertama risalah Islam yang memberi keyakinan diri pada penganutnya untuk bangkit menghadapi segala macam persoalan tanpa rasa gentar kerana tiada yang maha kekal dan maha berkuasa selain Tuhan yang tunggal itu.

Yang **kedua**, penerimaan jalin-hubung antara yang Transendental dengan temporal dapat difahami sebagai misi kenabian. Yang dimaksudkan di sini ialah adanya komunikasi berterusan antara Tuhan dengan ciptaanNya.

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ رَّسُولٌ

Dan bagi tiap-tiap satu umat ada seorang Rasul (yang diutuskan kepadanya)...

(Surah Yunus 10:47)

Atas sebab itulah lafaz *Muhammadur Rasulullah* (Muhammad selaku Rasul utusan Tuhan) menjadi lafaz kedua selepas penerimaan risalah tauhid Islam. Di dalam Islam, jalin-hubung antara Tuhan dengan manusia mencapai kemuncaknya dengan bangkitnya Muhammad selaku *khatimin nabiyin* (nabi atau rasul yang terakhir). Proses interaksi antara manusia dengan Penciptanya pada zaman Rasulullah telah dicatit dan dibakukan menjadi al-Qur'an – teks yang menjadi rujukan utama umat Islam di dalam menggali pesan-pesan Ilahi. Namun, walaupun pesan-pesan Ilahi sudah diformalisasikan di dalam al-Qur'an, ianya tidak bermakna proses interaksi antara manusia dengan Pencipta sudah tamat dan Tuhan mula beradu dan menyembunyikan diri-Nya. Proses itu masih berlangsung, cuma tidak diperlukan lagi di dalam penghantaran Rasul atau Nabi.

Yang **ketiga**, risalah Islam memberatkan soal-soal pertanggungjawaban kerana segala ciptaan-Nya ada arah tuju yang belum selesai, termasuk hak-hak yang perlu dijaga.

وَمَا خَلَقْنَا السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا لَاعِبِينَ  
مَا خَلَقْنَاهُمَا إِلَّا بِالْحَقِّ وَلَكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ

Dan Kami tidak menciptakan langit dan bumi dan apa yang ada antara keduanya dengan bermain-main; Kami tidak menciptakan keduanya melainkan dengan hak, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui.

(Surah Ad-Dukhan 44:38-39)

Makanya, manusia diutuskan ke muka bumi ini selaku *khalifah* yang tidak terlepas dari tanggungjawabnya mengemudi segala ciptaan-Nya yang lain ke arah kebaikan. Oleh itu, risalah Islam memberi penekanan pada kehidupan konkrit, walaupun ada segelintir manusia yang begitu mendambakan alam *akhirah* sehingga lupa akan tanggungjawab utama mereka di bumi ini.

Begitulah landasan yang menjadi dasar pemikiran setiap teologi, walaupun perisiannya mungkin berbeza-beza. Sebagai contoh, penerimaan pada yang Transendental mungkin bukannya seperti konsep tauhid yang terdapat di dalam Islam. Namun, tidak dapat dinafikan adanya penerimaan pada kewujudan *extrasensory* di dalam ajaran-ajaran Buddha mahupun agama-agama lain.

Mengenai jalin-hubung transendental dengan temporal juga ada di dalam setiap agama. Contohnya, agama Kristian melangsungkan terus hubung-jalin ini dengan konsep ‘Tuhan menjadi manusia’ (atau penyatuan Transenden dan Temporal – *hypostasis*). Inilah bibit permulaan risalah Kristian. Di dalam agama Buddha pula, hubung-jalin yang kemudian membentuk risalah agamanya bermula pada waktu pelepasan diri dari segala nafsu duniawi mencapai tingkat pencerahan atau *nirvana*.

Yang ketiga, setiap agama menunjukkan jalan mencapai kebahagiaan: Agama Kristian dengan penerimaan Kristus ke arah keselamatan (*salvation*), agama Buddha dengan ‘*Eight-Fold Path*’nya, dan seterusnya.

Tiga landasan inilah yang membezakan perbincangan bersifat ‘sekuler’ dengan perbincangan bersifat teologikal. Pada masa yang sama, pengisian makna-makna terperinci bagi setiap landasan ini akan menghasilkan teologi yang berbeza-berbeza, tidak kira sama ada di dalam (*intra*) atau pun di antara (*inter*) tradisi-tradisi keagamaan.

## II

### Perkembangan Teologi Islam

Bagi seseorang yang mengkaji perkembangan pemikiran Islam secara historis dan kritikal, perkara yang amat terkesan ialah adanya keragaman yang saling berlawanan dan bertanding untuk mencari ruang serta pengaruh di dalam masyarakat. Munculnya aliran-aliran teologi yang pertama terjadi sekitar abad ke-8 dengan perpecahan umat Islam menjadi kelompok-kelompok pengikut ‘Ali ibn Abi Talib, khalifah yang menjawat kepimpinan umat selepas pembunuhan Uthman bin Affan, dan Mu’awiyah, gabenor wilayah Syria dan Mesir. Namun, kemelut politik antara ‘Ali dan Mu’awiyah itu sendiri tidak melahirkan aliran teologi yang pertama. Tertubuhnya aliran teologi yang pertama terjadi sewaktu segelintir pengikut ‘Ali menarik diri (*secede*) kerana tidak bersetuju dengan keputusan ‘Ali menerima pelawaan Mu’awiyah untuk berarbitrasi, iaitu dihentikan peperangan Siffin (648 M) antara kedua pihak dan berunding. Golongan yang menarik diri ini kemudiannya digelar sebagai *Khawarij*. Menurut kelompok Khawarij ini, arbitrasi merupakan pengkhianatan pada ketentuan Tuhan – “hanya Tuhan yang mengadili dan menjadi penentu” – suatu slogan yang sering diutarakan. Ketidakpuasan kaum Khawarij sebenarnya atas dasar keyakinan mereka yang ‘Ali telah tertipu untuk berarbitrasi kerana pasukan ‘Ali hampir berjaya menumpaskan pasukan Mu’awiyah.

### *Persoalan Iman*

Dengan munculnya kelompok Khawarij, persoalan-persoalan teologi mula memasuki alam pemikiran umat Islam. Persoalan yang pertama muncul ialah: adakah seseorang Muslim yang melakukan dosa besar dianggap terkeluar dari Islam? Seiringan dengan itu, umat Islam juga mempersoalkan: adakah keimanan sahaja cukup menjadikan seseorang sebagai Muslim atau perlukah ianya menunjukkan komitmen dengan beramal?

Di dalam persoalan ini, kelompok Khawarij memberi jawapan positif, iaitu gugurlah status Muslim si pembuat dosa besar, maka halal pula darahnya (dalam maksud boleh dibunuh). Berlandaskan teologi yang amat ekstrem ini, kelompok Khawarij berjaya membunuh ‘Ali dan juga Mu’awiyah. Sebagai pertentangan pada posisi Khawarij yang keras itu, muncul aliran *Murji’ah* yang ‘menangguhkan keputusan’, iaitu tidak menuduh mana-mana individu atau pihak sebagai pelaku dosa besar.

Jika dianalisa, persoalan-persoalan ini muncul dengan ketidakpuasan dan kekacauan yang berleluasa akibat konflik antara umat sehingga menyebabkan pertumpaharan darah yang maha dahsyat (atau dikenali sebagai *fitna al-kubra* di dalam sejarah Islam). Persoalan siapa yang benar (kelompok ‘Ali atau Mu’awiyah) dan mengapa mereka yang sama-sama mengaku beriman pada Allah dan Rasul-Nya kini memusuhi antara satu sama lain, membebani pemikiran umat Islam yang belum hampir satu abad usianya.

### *Kemunculan Teologi Syiah*

Seperti yang ditanggapi oleh kelompok Khawarij, Mu’awiyah berjaya merampas tahta pemerintahan selepas arbitrase yang berat sebelah dan memihak pada pasukan Mu’awiyah. Dengan naiknya Mu’awiyah ke tahta pemerintahan, terjadilah sistem pemerintahan berdinasti yang pertama di dalam sejarah Islam. Para penyokong ‘Ali yang menentang ketidakadilan di dalam proses perebutan kuasa oleh Mu’awiyah mula menentang dan menyeru supaya kepimpinan umat dikembalikan kepada keluarga keturunan Muhammad (yang digelar *ahlul bayt*). Para penyokong ‘Ali ini dikenali hingga sekarang sebagai golongan *Syiah*.

Bermulanya teologi Syiah, seperti teologi-teologi awal yang lain yang telah kita perhatikan (iaitu teologi Khawarij dan Murji'ah), adalah disebabkan persoalan politik umat Islam pada abad ke-8/9 Masehi. Golongan Syiah kemudian membangunkan teologi mereka yang memfokus pada kepemimpinan Imamiyah keturunan 'Ali. Konsep-konsep teologis seperti kemaksuman Imam, *taqiya* dan kemunculan al-Mahdi akhir zaman, merupakan penyesuaian golongan Syiah terhadap *persecution* yang dialami, terutama kes pembunuhan kejam cucu Nabi Muhammad (melalui anak perempuannya Fatima yang bersuamikan 'Ali), Husayn di Karbala pada tahun 61 Hijrah (680 Masehi).

### *Persoalan Takdir*

Setelah dinasti Bani Umayyad ditubuhkan oleh Mu'awiyah, ramai pengikut-pengikut 'Ali yang dibunuh. Sesiapa yang mengsangsi kesahihan kepemimpinan Bani Umayyad juga akan dipenjarakan atau dihukum bunuh. Akibatnya, muncul satu lagi persoalan teologis: Apakah proses sejarah yang sedang dilalui umat Islam ini kehendak Tuhan?

Maka itu, muncul pula aliran teologi yang dinamakan *Jabariyyah*. Aliran ini bersifat fatalistik dan pasif terhadap segala kezaliman yang berlaku sewaktu pemerintahan Bani Umayyad. Dalam erti kata lain, sudah ditakdirkan Tuhan bahawa Mu'awiyah dan kaum kerabatnya akan berkuasa; maka hendaklah diterima ketentuan Tuhan. Tidak memeranjatkan, golongan Jabariyyah ini disokong dan dijolokkan oleh pemerintahan Bani Umayyad yang berkepentingan itu. Tambahan itu, hadis yang menyuruh umat taat pada pemimpin yang menegakkan sholat (walaupun ia pemimpin yang zalim) mula berleluasa. Teologi mula menjadi permainan politik dan disubordinasikan pada kepentingan kelompok.

Namun, kemunculan aliran Jabariyyah ini dicabar oleh kelompok yang menegakkan kebebasan berkehendak (atau *free will*). Golongan ini, yang dinamakan *Qadariyyah*, giat menentang pendapat yang mengaitkan Tuhan pada segala kezaliman dan pembunuhan yang dilakukan oleh para pemerintah Bani Umayyad. Manusia bebas membuat pilihan dan Tuhan tidak terlibat di dalam kejahatan yang dilakukan oleh manusia. Golongan Qadariyyah ini, antara lain, dipelopori oleh tokoh-tokoh awal Islam yang disegani seperti Hasan al-Basri, Wasil bin Ata, Ma'bad al-Juhani dan Ghailan al-Dimashqi.



### *Teologi Mu'tazilah*

Sejarah perkembangan awal Islam mula memasuki fase selanjutnya dengan kejatuhan pemerintahan Bani Umayyad pada abad ke-8 Masehi. Digantikan oleh dinasti pemerintahan *Abbasiyyah*, umat Islam mula mencapai status peradaban tinggi dengan penstabilan sistem kenegaraan dan peluasan daerah. Pada waktu ini, pusat pemerintahan sudah pun dianjakkan daripada Madinah ke Baghdad. Dengan kekayaan yang berlimpah-ruah dan berkonsentrasi di kota Baghdad (hasil dari peluasan daerah), umat Islam mula menunjukkan perbezaan kelas antara masyarakat kota dengan masyarakat pedalaman atau daerah. Namun, suatu perkara yang paling penting yang dilakukan oleh pemerintahan Abbasiyah ialah menyemarakkan pertembungan budaya dan pemikiran, terutama dari budaya Hellenistik dan pemikiran Yunani. Buku-buku Plato dan Aristoteles mula diterjemahkan dan dikaji secara serius oleh para cendekiawan Islam zaman itu.

Pada waktu itulah mulanya muncul aliran teologi Mu'tazilah yang amat berpengaruh kerana mendapat restu para khalifah yang memerintah seperti Harun al-Rashid dan al-Ma'mun. Aliran Mu'tazilah memberatkan pemikiran rasional dan kebebasan berkehendak. Namun, pada masa yang sama, aliran ini banyak memanfaatkan pemikiran-pemikiran Yunani yang disesuaikan mengikut ajaran-ajaran Islam. Konsep-konsep teologis yang dimunculkan seperti *tawallud* (*generation*) dan *zuhur wa kumun* (*manifestation and latency*) mempunyai pengaruh yang jelas dari sistem metafisik Yunani.

### *Pembakuan dan Pembekuan Teologi*

Dominasi teologi Mu'tazilah ini mula mengecut dengan pertukaran khalifah kepada al-Mutawwakil. Sekiranya umat Islam dibawah pemerintahan al-Ma'mun dipaksa mengadopsi aliran teologi Mu'tazilah (terutama posisi yang mengatakan al-Qur'an itu ciptaan Tuhan), perkara yang sebaliknya terjadi sewaktu pemerintahan al-Mutawwakil. Para penganut fahaman Mu'tazilah mula diburu dan dipenjarakan atau dibunuh. Pada masa yang sama, al-Mutawwakil mula mempromosikan aliran teologi *Ash'ariyyah*.

Aliran Ash'ariyyah mula didirikan oleh Abul Hasan al-Ash'ari. Beliau merupakan pengikut Mu'tazilah tetapi meninggalkan fahaman itu kerana tidak mendapat jawapan yang tuntas dari gurunya atas persoalan teologis keadilan Tuhan. Aliran Mu'tazilah memegang pada lima konsep keimanan, yang dinamakan *al-Usul al-Khamsah* iaitu:

- i. Ke-Esaan Tuhan (*al-Taubid*) -
- ii. Keadilan (*al-'Adl*)
- iii. Janji baik dan janji buruk (*al-Wa'd wa al-Wa'id*)
- iv. Posisi pertengahan (*al-Manzilah bain al-Manzilatain*)
- v. Mengajukan kebaikan dan menegah kejahatan (*al-'Amr bi al-Ma'ruf wa al-Nahy 'an al-Munkar*)

Menurut al-Ash'ari, konsep kebebasan berkehendak, maha mengetahui (*foreknowledge*) dan keadilan Tuhan yang dipertahankan golongan Mu'tazilah tidak koheren. Sebagai contoh, dia mengetengahkan kisah tiga individu, seorang bayi yang mati ketika lahir, seorang lelaki yang beramal saleh hingga mati di usia yang tua, dan seorang lelaki yang melakukan banyak kejahatan dan dicabut nyawanya sewaktu muda. Persoalannya, mengapakah Tuhan yang Maha Mengetahui tidak mencabut nyawa lelaki yang jahat itu sewaktu dia bayi supaya dia tidak sempat berlaku jahat dan dimasukkan terus ke syurga? Pada masa yang sama, mengapakah Tuhan tidak memanjangkan usianya supaya dia sempat bertaubat dan dapat memasuki syurga seperti lelaki tua itu? Di sini, al-Ash'ari mula mengajukan pendapatnya yang Tuhan tidak terikat oleh prinsip keadilan yang dianjurkan golongan Mu'tazilah. Di dalam pemikiran teologis al-Ash'ari, Tuhan bebas memasukkan manusia ke syurga atau neraka mengikut kehendak-Nya dan manusia tiada hak menghadkan (*to limit*) kehendak Tuhan.

Posisi al-Ash'ari ini jelas menunjukkan kecenderungan pada kekuasaan arbitrari Tuhan dan lebih dekat pada faham Jabariyyah. Manusia, menurut al-Ash'ari, bebas memilih tetapi pemilihan mereka itu juga adalah ketentuan Tuhan. Jalan tengah yang cuba diajukan al-Ash'ari jelas kurang memuaskan.

Mungkin persoalan takdir melawan kebebasan berkehendak memang merupakan isu yang tidak boleh diselesaikan oleh akal rasional manusia. Akan tetapi, konsekuensi daripada

dominasi dan penerimaan aliran Ash'ariyya ini telah menumbuhkan sifat fatalistik apabila digabungkan dengan faktor-faktor lain seperti kejatuhan kota Baghdad akibat serangan tentera Mongol dan berleluasanya gerakan anti-falsafah.

Setelah kejatuhan kota Baghdad (dan terbunuhnya golongan cerdik-pandai dari kalangan alim ulama), proses pembakuan dan pembekuan pemikiran Islam bermula. Gubalan-gubalan teologis mahupun fikah mula dikodifikasikan. Pintu ijtihad juga ditutup oleh segolongan ulama yang berpengaruh demi menjaga kesatuan umat dan mencegah penyimpangan akibat berkurangnya alim ulama dan berleluasanya pemikiran bebas. Pada waktu inilah munculnya pembekuan teologi, dengan penerimaan aliran Ash'ariyyah (di kawasan Arab) dan Maturidiah (di kawasan Asia Tengah) sebagai mazhab teologis golongan dominan yang setelah pergumulan selama 400 tahun, mula dinamakan *Abli Sunnah Wal Jamaah*. Golongan inilah yang membentuk aliran utama Islam masakini, dibandingkan dengan kelompok Syiah.

Satu lagi perkara yang harus diketengahkan di sini ialah peranan yang dimainkan oleh seorang cendekiawan Islam yang bergelar *Hujjat al-Islam*, Abu Hamid al-Ghazali. Al-Ghazali merupakan tokoh Islam terpenting di dalam proses pembakuan teologi Islam. Antara peranannya yang utama ialah (1) mempromosikan aliran Ash'ariyyah sebagai akidah paling sesuai bagi golongan awam, (2) menggabungkan aliran Sufisme (yang bersifat esoterik-spekulatif) ke dalam korpus ortodoksi, dan (3) mensenyapkan golongan rasionalis (iaitu aliran Mu'tazilah) dengan risalahnya yang berpengaruh – *Tabafut al-Falasifah* (Kerancuan Para Filosof). Yang terakhir itu begitu fatal di dalam melenyapkan pemikiran rasional di dalam perkembangan teologi selanjutnya di tanah Arab, walaupun kita dapat melihat kemunculannya (tetapi tidak menjadi dominan) di Andalusia dengan kehadiran pemikir Islam, Ibnu Rushd. Di Parsi pula, jejak-jejak pemikiran rasional menyusup ke dalam pemikiran Syiah dan bergabung dengan unsur-unsur gnostis seperti yang terdapat di dalam ajaran Suhrawardi dan mazhab Isfahan.

*Kembali Pada Persoalan Teologi*

Sekiranya kita perhatikan perkembangan teologi Islam seperti yang diringkaskan di atas, jelaslah tiada yang kudus mengenai rumusan-rumusan teologi, kecuali, sudah semestinya, yang jelas dinyatakan di dalam al-Qur'an (seperti keEsaan Tuhan). Dapat kita simpulkan beberapa pemerhatian di sini:

- a. Teologi Islam tidak bersifat monolitik. Dalam erti kata lain, adanya keragaman yang jelas saling bertentangan.
- b. Kemunculan aliran-aliran teologi yang berbeza-beza ini dicorak oleh situasi sosio-historis dan pergumulan politik umat Islam yang sedang berkembang. Dalam erti kata lain, teologi bukanlah wilayah yang sakral yang tidak boleh dipersoalkan, dibongkar atau difikirkan kembali.
- c. Terjadinya proses dominasi sesuatu aliran teologi itu terkait dengan kepentingan kelompok yang berkuasa atau berpengaruh. Dalam erti kata lain, aliran teologi yang menjadi dominan dan mendapat gelar ortodoksi bukanlah berdasarkan kekuatan hujah-hujahnya melainkan adanya faktor-faktor lain seperti patronasi pemerintah mahupun golongan-golongan tertentu.

Memandangkan konteks umat Islam sudah mengalami perubahan-perubahan besar, haruslah diungkitkan keperluan merombak sebahagian khazanah pemikiran teologi yang jelas jumud, statik dan tidak lagi relevan dengan keperluan hidup umat Islam masa kini. Untuk melakukan dekonstruksi dan rekonstruksi teologi masa kini, yang pertama dan utama ialah membangkitkan kesedaran kritis akan konteksualisasi pertumbuhan dan perkembangan teologi Islam. Dalam erti kata lain, pemikiran umat haruslah diarahkan pada fakta-fakta konkrit yang bersifat historis, bukannya dogmatis. Proses inilah yang disebut sebagai pematian mitos atau *demythologizing*.

### III

## Membina Teologi Masa Hadapan

Jika kita perhatikan corak teologi yang dominan masa kini, teologi itu sering dilihat sebagai wilayah Tuhan sementara realitas sosial sebagai wilayah manusia. Dilihat dari perspektif ini, sukar untuk kita mengaitkan kehidupan dunia dengan pemahaman agama yang cenderung mengarah ke langit, bukan ke bumi (iaitu persoalan hidup). Seorang pemikir muda Indonesia, Rumadi, menganjurkan istilah “memanusiakan teologi” dan “menteologikan manusia”.

Memanusiakan teologi bererti “menjadikan teologi mempunyai visi kemanusiaan” sementara menteologikan manusia bererti “menjadikan manusia sebagai basis pemahaman teologis”. Di dalam rangka usulan Rumadi, agama sepatutnya membela manusia dan bukannya membela Tuhan, kerana Tuhan itu sendiri tidak perlu dibela.

Inilah persoalan yang harus difikirkan bersama di dalam pencarian corak teologi masa hadapan.

### *Paradigma Teologi Masa Hadapan*

Sekiranya teologi yang dominan sekarang ini banyak kekurangannya, haruslah dibedah, diubah atau digantikan dengan cara berteologi yang lebih relevan pada konteks masakini. Di sini, akan kita ajukan empat usulan untuk merubah paradigma berteologi. Usulan-usulan ini merujuk kepada tema persoalan di dalam pembaruan teologi, iaitu pandang arah teologi, fokus dan inti yang perlu dilestarikan.

Harus dinyatakan di sini bahwa usulan-usulan yang dikedepankan bukanlah sesuatu yang baru melainkan sudah dibangunkan, malah sudah pun dikembangkan, dikalangan para pemikir-pemikir Islam kontemporer yang sering mencari jalan penyelesaian terhadap kemandekan dan kelesuan pemikiran umat Islam masakini. Antara pemikir-pemikir yang wajar disebut di sini ialah Hasan Hanafi (Mesir), Farid Esack (Afrika Selatan), Asghar Ali Engineer (India) dan M. Dawam Rahardjo (Indonesia).

### 1. Dari Teosentrik kepada Antroposentrik

Pertama sekali, teologi konvensional (atau juga disebut ortodoks) lebih mengaju pada persoalan keTuhanan. Sebagai contoh, perkara-perkara yang menjadi obsesi teologi konvensional ialah memperdebatkan isu-isu seperti zat-zat Tuhan, sifat-sifat-Nya, singgahsana Tuhan (iaitu sekitar persoalan *arasy*), takdir Tuhan, dan sebagainya. Isu-isu ini menyentuh persoalan metafisika yang rumit lagi abstrak. Ianya cenderung meletakkan teologi di dalam wilayah Tuhan yang tidak dapat dicapai oleh manusia. Oleh itu, segelintir manusia akan diangkat (atau mengangkat diri sendiri) selaku jurubicara dan pengawas idea (*gatekeeper*) supaya menerangkan 'siapa itu Tuhan' ketimbang bagaimana konsep keTuhanan itu dapat dimengertikan. Teologi sebegini tidak mendatangkan makna bagi masyarakat umum kecuali mereka yang ingin mengabdikan diri pada isu yang tiada langsung pada persoalan hidup yang lebih konkrit. Teologi sebegini berpusat pada Tuhan (teo-sentrik) dan terpisah dari wilayah manusia.

Sebagai alternatif, teologi harus dibangunkan dengan berpusatkan manusia (antropo-sentrik) dan persoalan konkrit kehidupan. Teologi antropo-sentrik ini pernah diusulkan oleh pemikir Islam dari Mesir, Hasan Hanafi. Namun, di dalam rangka teologi antroposentrik, ianya tidak menyebabkan hilangnya Tuhan dari pentas aksi manusia. Sebaliknya, teologi antropo-sentrik meletakkan Tuhan di tengah-tengah aksi kemanusiaan itu sendiri, iaitu sebagai sumber segala kebaikan yang dilakukan. Di dalam teologi antropo-sentrik, yang dijadikan isu untuk dicari jalan pencerahan ialah kondisi manusia dan segala persoalannya. Makna kehidupan, masalah keterasingan, *destiny* kehidupan dunia, kehidupan bermasyarakat, dan sebagainya harus dijadikan fokus utama teologi antropo-sentrik.

### 2. Dari 'Other-worldly' kepada 'This-worldly'

Satu lagi ciri teologi konvensional ialah pengarahannya pada isu-isu keakhiratan atau *otherworldliness*. Isu-isu dominan di dalam corak teologi sebegini ialah siksa kubur dan neraka, persoalan kewujudan jin, malaikat, iblis dan syaitan, mukjizat sebagai bukti kekuasaan Tuhan, persoalan syafaah hari akhirat, tanda-tanda kiamat dan sebagainya. Seperti isu-isu yang

dibangkit di dalam rangka teologi bersifat teo-sentrik, *otherworldliness* juga menumbuhkan suatu distraksi pada persoalan riil yang dihadapi masyarakat mahupun individu. Memperdebatkan isu-isu sebegini lebih merupakan suatu eskapisme bagi yang tidak dapat memahami faktor sebenar yang menguruskan penderitaan hidup, atau setidak-tidaknya, kepahitan dan kelesuan hidup yang sedang dilalui. Eskapisme sebegini tidak dapat menumbuhkan semangat “merubah diri” yang diperlukan di dalam pemecahan masalah-masalah sosial.

Oleh itu, cara pandang dunia berlandaskan teologi *otherworldly* ini haruslah diubah kepada cara pandang dunia yang bersifat *thisworldly*. Landas baru teologi *thisworldly* ini pernah diusulkan oleh pemikir Islam dari India, Asghar Ali Engineer. Isu-isu yang harus diperdebatkan dan dicari jawapannya ialah persoalan-persoalan *thisworldly* seperti seperti kemiskinan, penindasan, kebuluran, pemusnahan alam, iliterasi, ketimpangan sosial dan sebagainya. Inilah persoalan-persoalan penderitaan yang harus diberi jalan keluarnya oleh teologi yang bermakna.

### 3. Dari Romantisisme kepada Realisme

Romantisisme merujuk pada cara pandang alam yang hanya mencari-cari kebesaran Tuhan. Walaupun ini tidak semestinya memudaratkan, obsesi yang berlebihan hanya akan melemahkan daya kritis manusia untuk mempertingkatkan usaha dan kekuatan akal fikirannya mencari jalan penyelesaian pada masalah-masalah dipersekitarannya.

Sepatutnya, renungan pada alam maya sebagai pencarian “kehadiran Tuhan” harus digantikan dengan renungan pada alam sebagai intrumen penyembahan kepada Ilahi. Sebagai contoh, seorang yang romantis akan memuji-muji kebesaran Tuhan apabila menyaksikan alam di dalam *grandeur*nya. Sebaliknya, seorang yang bersifat realis, akan menyaksikan alam dan mencari makna teologis untuk membuat kebaikan pada alam atau menguruskan alam dengan lebih sempurna.

#### 4. *Dari Kesalehan Individu kepada Kesalehan Sosial*

Yang keempat, teologi harus mengaju kepada kesalehan sosial kerana itulah yang dibutuhkan dewasa ini. Sifat teologi konvensional menitikberatkan kesalehan individu dengan segala macam ritualnya. Kesalehan individu seperti ini tidak dapat membangkitkan kesedaran terhadap tanggungjawab sosial selaku khalifah di muka bumi ini.

Sebaliknya, teologi haruslah memberi makna baru sifat ketakwaan itu. Sifat takwa yang tidak memisahkan individu dari lingkungan sosialnya pernah dibincangkan oleh pemikir Islam dan mantan guru besar Chicago, Fazlur Rahman. Dalam cara pandang manusia baru ini, kenyataan hidup itu berpusat pada lingkungan sosialnya. Oleh itu, teologi dapat membangkitkan tema-tema bermakna seperti tauhid sosial (yang diajukan oleh Amien Rais), kemungkaran sosial ketimbang kemungkaran inividu, dan sebagainya.

### **Penutup**

Akhirul kalam, haruslah ditekankan di sini bahwa apa jua corak teologi yang diajukan, ianya harus berpijak pada dua perkara penting.

Pertama ialah **pertanggungjawaban**. Teologi tidak boleh bersifat menyisih dari kehidupan manusia. Agama seringkali dianggap sebagai faktor yang membangkitkan perabadian tinggi sepanjang sejarah manusia. Dalam erti kata lain, ianya berperan di dalam menumbuhkan semangat melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran di dunia ini. Pelestarian peraban manusia yang etis, bermoral dan manusiawi dapat dimainkan oleh agama yang jelas menjadi sumber nilai-nilai etis dan manusiawi ini. Oleh itu, teologi haruslah dipertanggungjawabkan di dalam mencorak agama yang dapat memainkan peran sedemikian.

Kedua ialah **pemihakan**. Kita harus sedar bahawa teologi bukanlah wilayah yang neutral dan tidak berkepentingan. Seperti yang dilihat di dalam persejarahan Islam, teologi tidak terlepas dari pemihakan pada sesuatu kelompok atau kumpulan. Yang harus dipersoalkan ialah golongan manakah yang harus menjadi dukungan teologi masa hadapan? Jikalau dilihat dari perjuangan dan risalah Nabi Muhammad, jelaslah yang keberpihakan itu



merujuk pada golongan yang tersisih, tertindas dan dizalimi. Golongan-golongan ini termasuk anak-anak yatim yang terbiar, wanita-wanita yang diperhamba, orang-orang miskin yang melarat, pekerja-pekerja yang diperas, rakyat massa yang hilang hak, dan sebagainya.

Semoga teologi masa hadapan dapat berinteraksi terus dengan persoalan hidup dan masalah-masalah konkrit kemanusiaan. Teologi masa hadapan hanya dapat muncul dengan “membumikan langit” dalam erti kata yang telah dibincangkan.

\*\*\*\*\*

## Bibliografi

- A. J. Wensick, 1932. *Muslim Creed: Its Genesis and Historical Development*. The University Press, Cambridge.
- Asghar Ali Engineer, 1987. *The Origin and Development of Islam*. Orient Longman, Hyderabad.
- \_\_\_\_\_, 1990. *Islam and Liberation Theology*. Sterling, New Delhi.
- Farid Esack, 1997. *Qur'an Liberation and Pluralism*. Oneworld, New York.
- Fazlur Rahman, 1979. *Islam, Second Edition*. The University of Chicago Press, Chicago.
- \_\_\_\_\_, 1989. *Major Themes of the Qur'an*. Islamic Book Trust, Kuala Lumpur.
- Harun Nasution, 1983. *Teologi Islam: Aliran-Aliran, Sejarah, Analisa, Perbandingan*. Penerbit Universitas Indonesia, Jakarta.
- Hassan Hanafi, 2000. *Islam in the Modern World*, 2 Vols. Dar Kebaa Bookshop, Heliopolis.
- Muhammad ibn 'Abd al-Karim Shahrastani, 2004. *Al-Milal Wa Al-Nihal: Aliran-Aliran Teologi dalam Islam*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Moeslim Abdurrahman, 2003. *Islam Sebagai Kritik Sosial*. Penerbit Erlangga, Jakarta.
- Richard C. Martin, Mark R. Woodward & Dwi S. Atmaja, 1997. *Defenders of Reason in Islam: Mu'tazilism from Medieval School to Modern Symbol*. Oxford: Oneworld Publications.
- Rumadi, 2002. *Masyarakat Post-Teologi*. Gugus Press, Jakarta.
- Sherman A. Jackson, 2002. *On the Boundaries of Theological Tolerance in Islam: Abu Hamid al-Ghazali's Faysal al-Tafriqa*. Oxford University Press, Oxford.
- Taha Husain, 1990. *Fitnah Terbesar dalam Sejarah Manusia*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- W. Montgomery Watt, 1973. *The Formative Period of Islamic Thought*. Edinburgh University Press, Edinburgh.
- \_\_\_\_\_, 1994. *Islamic Creeds: A Selection*. Edinburgh University Press, Edinburgh.
- Very Verdiansyah, 2004. *Islam Emansipatoris: Menafsir Agama Untuk Praksis Pembebasan*. P3M, Jakarta.